

**JABATAN PENDAFTARAN NEGARA MALAYSIA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa daripada **Kontraktor - Kontraktor Bumiputera** yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dibenarkan membuat tawaran serta mempunyai gred, kategori dan pengkhususan seperti di bawah untuk menyertai sebut harga seperti berikut:

NO SEBUTHARGA	TAJUK	WAJIB BERDAFTAR DENGAN	LAWATAN TAPAK / TAKLIMAT	TARIKH TUTUP
JPN/SH/02/2024	Kerja-kerja Penyelenggaraan dan Pengubahsuaian di Dewan Balora Aras B1, Kaunter Pengawal Aras G dan Ruang Pejabat Aras 2, 3 & 10 di Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Negara Putrajaya	CIDB & SPKK Gred : G3 Kategori : B Pengkhususan : B07, B24 dan B28 Beralamat/Berdaftar di Daerah Sepang, Hulu Langat, Petaling dan Putrajaya sahaja dibenarkan menyertai kerja-kerja sebut harga ini	06 Jun 2024 (Khamis) Jam : 10.00 Pagi Bilik Mesyuarat Aras 8, Bhgn Kewangan & Pembangunan	12 Jun 2024 (Rabu) Sebelum atau pada jam 12.00 tengahari

2. Dokumen Sebut harga tersebut boleh didapati pada 06 Jun 2024 dengan menunjukkan Sijil Perakuan Pendaftaran dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **SPKK** yang asal dan sesalinan sijil tersebut (Salinan Sijil tersebut tidak akan dikembalikan).
2. Kontraktor **DIWAJIBKAN** menghadiri taklimat dan lawatan tapak bina pada **06 Jun 2024 (Khamis)** jam **10.00 pagi** di **Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia**. Hanya penama di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja yang boleh menghadiri taklimat & lawatan tapak. Lawatan tapak pada hari lain sebelum tarikh tutup sebut harga tidak dibenarkan. Surat Kebenaran khas adalah tidak dibenarkan.
3. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan dan ditulis di sebelah atas kiri sampul No. Sebut Harga **JPN/SH/02/2024** dan dikembalikan/dimasukkan ke dalam peti sebut harga di :

**Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia
Bahagian Kewangan & Pembangunan
Aras 8 No. 20, Persiaran Perdana
Presint 2, 62551 W. P. Putrajaya**

4. Tawaran Sebut Harga tersebut **ditutup pada jam 12.00 tengahari, 12 Jun 2024**, Sebut Harga yang lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Dokumen sebut harga adalah percuma.

.....

Tandatangan

Nama: **MUHAMMAD HAFEZ BIN OTHMAN**
Jawatan: **Timbalan Pengarah (III)
Bahagian Kewangan dan Pembangunan
Jabatan Pendaftaran Negara, Malaysia
W.P. Putrajaya**

Tarikh: